

'Anwar sudah tunai janji kepada rakyat'

BERITA HARIAN 24 JUL 2025

m/s: 4

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim disifatkan sudah melaksanakan janjinya kepada rakyat seperti yang disebut sebelum memegang tampuk kepimpinan kerajaan menerusi inisiatif Penghargaan Untuk Rakyat yang diumumkan semalam.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata Perdana Menteri terpaksa mengambil masa untuk menunaikan janjinya kerana perlu memperbaiki petunjuk ekonomi yang tidak begitu positif ketika mengambil alih pentadbiran negara.

Katanya, berdasarkan petunjuk ekonomi ketika itu, negara mempunyai hutang yang membengkak, kadar inflasi dan pengangguran yang tinggi serta pealaburan langsung asing (FDI) ke dalam negara berada pada tahap

yang rendah.

"Tetapi pada hari ini, inflasi 1.5, FDI tertinggi dalam sejarah, ringgit mengukuh berbanding dolar, jadi kesemua petunjuk ekonomi itu sudah pun menunjukkan keadaan yang kondusif untuk beliau menghadiahkan balik kepada rakyat dalam bentuk penurunan harga petrol sebanyak enam sen yang akan bermula Oktober ini.

"Jadi saya percaya bahawa sebagai pemimpin bertanggungjawab, beliau bukan saja melaksanakan janji tetapi mengambil masa kerana memulihkan ekonomi itu adalah prasyarat kepada apa-apa pengumuman yang hendak dibuat," katanya ketika ditemui di Parlimen selepas pengumuman penghargaan untuk rakyat Malaysia oleh Perdana Menteri, semalam.

Semalam, rakyat Malaysia me-

nyambut baik pengumuman beberapa inisiatif bantuan kos sara hidup diumumkan Perdana Menteri.

Langkah berkenaan merangkumi pemberian tunai sekali bayar sebanyak RM100, cuti umum seluruh negara pada 15 September ini serta penurunan harga petrol RON95.

Perancangan penurunan harga petrol RON95 kepada RM1.99 seliter menerusi mekanisme subsidi bersasar turut disambut baik.

Menjelaskan lebih lanjut, Saifuddin Nasution berkata, Perdana Menteri juga menumpukan kepada tindakan mengawal ketirisan, elak pembaziran, tidak berbelanja secara berlebihan dan jangan terbabit dengan rasuah.

"Perkara ini dilakukan bertujuan supaya kedudukan kewa-

ngan negara lebih baik dan terbukti sekarang keadaan itu menjadi lebih baik, jadi beliau menghadiahkan pula dalam bentuk bantuan tunai kepada sekalian rakyat yang berumur 18 tahun ke atas berjumlah RM22 juta.

"Beliau turut menangguhkan pembayaran tol sehingga hujung tahun ini kerana pemberian tunai itu suatu yang amat dihargai, diperlukan oleh golongan rakyat berpendapatan rendah.

"Sebab bagi golongan pendapatan rendah, mereka lebih banyak membelanjakan untuk makanan dan aliran wang itu akan berputar dalam pasaran negara, akhirnya ekonomi akan menjadi lebih rancak.

"Jadi apabila kerajaan melakukan perkara itu, maka dengan sendirinya tekanan kos sara hidup rakyat akan berkurangan," katanya.